

# RE-LIV ORAL LOTION

Lignocaine hydrochloride/chlorhexidine hydrochloride/triamcinolone acetonide (2.5% w/v / 0.5% w/v / 0.1% w/v)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Re-liv*
2. Bagaimana *Re-liv* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Re-liv*
4. Cara menggunakan *Re-liv*
5. Semasa menggunakan *Re-liv*
6. Kesan-sesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Re-liv*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan *Re-liv*

Untuk melegakan ketidakselesaan dan sakit, mengurangkan inflamasi dan memudahkan penyembuhan ulser, luka dan sakit gusi, lidah, bibir atau lelangit; trauma atau luka rongga mulut sebab gigi palsu baru, sakit dan inflamasi akibat gigi palsu dan gangguan pertumbuhan gigi.

## Bagaimana *Re-liv* berfungsi

*Re-liv* mengandungi triamcinolone acetonide dengan kesan anti-inflamasi, chlorhexidine hydrochloride yang membunuh bakteria dan lignocaine hydrochloride yang menghalang rasa sakit.

## Sebelum menggunakan *Re-liv*

### - Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan ambil *Re-liv* jika anda mempunyai:
- alahan terhadap bahan aktif atau bahan kandungan lain produk ini.
  - jangkitan virus dan jangkitan lain.

### Mengandung dan menyusukan anak

Walaupun dibenarkan, wanita hamil perlu sedar kesan toksik pada bayi kerana penyerapan sistemik. Minta nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum guna. Risiko dan manfaat penggunaan pada wanita yang boleh mengandung, terutamanya peringkat awal kehamilan dan pada ibu yang menyusu mesti dipertimbangkan.

### - Sebelum menggunakan *Re-liv*

- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami keadaan berikut:
- tuberkulosis(jangkitan bakteria terutamanya pada paru-paru), ulser usus atau penyakit kencing manis, terutamanya penggunaan lama.
  - penggunaan pada kanak-kanak, warga tua, individu sakit atau lemah terutamanya bila digunakan pada kawasan luas.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan:

- agen penghalang beta-adrenergik (ubat penyakit tekanan darah tinggi)
- cimetidine (ubat ulser perut)
- ubat mengurangkan sakit: NSAID, aspirin
- ubat mengurangkan kalium darah (seperti thiazides, frusemide dan ethacrynic acid)

- ambinonium, neostigmine, pyridostigmine.

## Cara menggunakan *Re-liv*

### - Berapa banyak harus digunakan

Sapukan 2-4 titik losyen pada luka dengan putik kapas atau jari bersih. Gosok dengan lembut supaya luka disalut dengan losyen. Penggunaan boleh diulangi selepas 1-2 jam, sebaik-baiknya selepas makan dan masa tidur. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

### - Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan *Re-liv*

### - Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada doktor, doktor gigi dan ahli farmasi bahawa anda sedang menggunakan *Re-liv*.
- Jika tiada perubahan selepas 7 hari, minta nasihat doktor. Adalah diingatkan tindak balas perlindungan biasa tisu mulut akan berkurang untuk individu yang menerima rawatan corticosteroid topikal.
- Beritahu doktor dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan kunyah gula getah atau makanan jika masih terasa kebas kerana mungkin tergigit lidah dan tepi mulut.
- Jangan beri *Re-liv* kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.
- Jangan makan dalam masa sejam selepas menggunakan ubat kerana ia menjegas penelanian dan menyebabkan aspirasi.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Produk ini mengandungi chlorhexidine hydrochloride dan tidak boleh digunakan pada telinga.

## Kesan-sesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, *Re-liv* boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mengalaminya. Sila berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi dengan segera jika mengalami sebarang kesan sampingan akibat penggunaan ubat ini. Tanda-tanda jangkitan seperti sakit, kemerahan atau lepuh bernanah dan/atau iritasi seperti kepedihan, kegatalan, lepuh atau mengelupas yang tidak hadir sebelum rawatan, memerlukan perhatian perubatan. Penyerapan sistemik akibat penggunaan jangka lama menyebabkan kesan seperti sindrom *Cushing*, kandungan glukosa darah tinggi dan kehadiran glukosa dalam kencing. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan *Re-liv*

### - Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah suhu 30°C. Jauhkan daripada cahaya. Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Losyen oral putih berperisa.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: lignocaine hydrochloride, chlorhexidine hydrochloride dan triamcinolone acetonide.
- Bahan tidak aktif: glycerin, propylene glycol, sodium carboxymethylcellulose, sodium saccharin, perisa anggur dan air.

### - Nombor MAL

MAL06051304AZ

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Penang, Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

30/06/2017

## Nombor siri

BPFK(R4/1)220617/00152